

DAPATKAN SYURGA, HINDARI NERAKA

Oleh: JHEAINS

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

وَسَارِعُوا إِلَى مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا السَّمَوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٣﴾

(Surah Ali-Imran, ayat 133)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى الْهَادِي الْبَشِيرِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ
اهْتَدَى بِهَدَاهُمْ عَلَى الدَّوَامِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

SIDANG JEMAAH JUMAAT YANG DIMULIAKAN ALLAH SWT,

Allah SWT berfirman dalam kitab suci-Nya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن تَتَّقُوا اللَّهَ تَجْعَلْ لَكُمْ فُرْقَانًا وَيُكَفِّرْ عَنْكُمْ سَيِّئَاتِكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ۗ

وَاللَّهُ ذُو الْفَضْلِ الْعَظِيمِ ﴿٢٩﴾

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman! Jika kamu bertaqwa kepada Allah, nescaya Dia mengadakan bagi kamu (petunjuk) yang membezakan antara yang benar dengan yang salah, dan menghapuskan kesalahan-kesalahan kamu, serta mengampunkan (dosa-dosa) kamu. Dan Allah (sememangnya) mempunyai limpah kurnia yang besar." (S. Al-Anfal: 29).

Oleh itu saudara-saudara sekalian, marilah kita bersama-sama bertaqwa kepada Allah SWT dengan menuruti segala titah perintah-Nya dan menjauhi segala perkara yang ditegah-Nya. Sesungguhnya, sebaik-baik persediaan serta bekalan menuju akhirat untuk menerima balasan daripada Allah SWT adalah sifat taqwa.

MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Pepatah Arab ada menyatakan, “Kemuliaan seseorang itu terletak pada budi pekerti yang baik, bukan pada keturunan.” Ungkapan ini memberi petunjuk bahawa nilai seseorang manusia bukan pada penampilan dirinya, bukan pada jawatan yang disandangnya dan bukan juga pada banyaknya harta benda yang dimiliki. Demikian juga, kemuliaan seseorang itu tidak terletak pada jasa yang disumbangkan dan susur galur keturunannya.

Sesungguhnya, kemuliaan seseorang insan itu terletak pada sifat taqwanya. Hal ini berdasarkan kepada penegasan Allah SWT dalam firman-Nya:

...إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَّقُنْكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Yang bermaksud: “...Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu).” (S. Al-Hujurat: 13).

Sebab itu, kita sentiasa diingatkan dan dianjurkan supaya sentiasa bertaqwa kepada Allah SWT. Taqwa yang terhimpun di dalamnya beberapa ciri mulia dan istimewa sebagaimana yang diungkapkan oleh Saidina Ali RA yang bermaksud: “Kandungan taqwa itu ada empat perkara, iaitu takut kepada Allah yang Maha Esa, bersyukur kepada nikmat pemberian-Nya biarpun sedikit, beramal dengan al-Quran, sentiasa bersiap sedia untuk bertemu Allah SWT”.

JEMAAH JUMAAT YANG BERBAHAGIA,

Dengan berpandukan kepada justifikasi taqwa yang diberikan oleh Saidina Ali tersebut, dapat disimpulkan bahawa asas sifat taqwa itu mempunyai sekurang-kurangnya empat ciri utama.

Pertama, takut kepada Allah SWT. Ia membawa erti menyedari serta menginsafi dengan hati yang tulus bahawa sesungguhnya Allah Maha Besar lagi Maha Berkuasa atas sekalian makhluk ciptaan-Nya. Lantaran kesedaran itu, lahir kesungguhan untuk menurut perintah Allah SWT, tidak melakukan dan tidak menghampiri perkara atau perbuatan yang ditegah-Nya sebagai upaya menghindari azab neraka yang maha pedih.

Ini bertepatan dengan anjuran Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَأَبْتِغُوا إِلَيْهِ الْوَسِيلَةَ وَجَاهِدُوا فِي سَبِيلِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٣٥﴾

Yang bermaksud: “Wahai orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah dan carilah jalan yang boleh menyampaikan kepada-Nya (dengan mematuhi perintah-Nya dan meninggalkan larangan-Nya); dan berjuanglah pada jalan Allah (untuk menegakkan Islam) supaya kamu beroleh kejayaan.” (S. Al-Maa'idah: 35).

Kedua, bersyukur kepada Allah SWT. Bersyukur dalam erti kata sentiasa mengingati Allah Yang Maha Penyayang lagi Maha Mengasihani. Ia melahirkan perasaan reda serta qanaah terhadap kurniaan Allah SWT kerana pasrah bahawa di sebalik setiap kurniaannya sama ada berupa kesenangan mahupun kesusahan mengandung hikmah yang tertentu.

Ini selaras dengan anjuran Allah SWT dalam firman-Nya:

فَاذْكُرُونِي أَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لِي وَلَا تَكْفُرُونِ ﴿١٥٢﴾

Yang bermaksud: “Oleh itu, ingatlah kamu kepada-Ku (dengan mematuhi hukum dan undang-undang-Ku), supaya Aku membalas kamu dengan kebaikan ; dan bersyukurlah kamu kepada-Ku dan janganlah kamu kufur (akan nikmat-Ku).” (S. Al-Baqarah: 152).

MUSLIMIN YANG DIKASIHI ALLAH SWT,

Ciri **ketiga** yang patut ada pada orang yang bertaqwa itu ialah beramal dengan al-Quran. Ini sejajar dengan penurunan al-Quran itu untuk dibaca, difahami segala makna dan tuntutan ayat-ayatnya, seterusnya diamalkan dalam kehidupan seharian.

Firman Allah SWT:

يَأْتِيهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَكُمْ بُرْهَانٌ مِّن رَّبِّكُمْ وَأُنزِلْنَا إِلَيْكُمْ نُورًا مُّبِينًا ﴿١٧٤﴾

Maksudnya: “Wahai sekalian manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu: Bukti dari Tuhan kamu, dan Kami pula telah menurunkan kepada kamu (al-Quran sebagai) Nur (cahaya) Yang menerangi (segala apa jua Yang membawa kejayaan di dunia ini dan kebahagiaan Yang kekal di akhirat kelak).” (S. An-Nisaa': 174).

Memandangkan al-Quran itu banyak kelebihan serta besar fadilatnya bagi manusia, maka Rasulullah SAW menganjurkan kita semua supaya belajar, mengajar dan mengamalkan Kitab Suci yang maha agung itu. Sabda Baginda SAW, maksudnya:

“Muslim yang terbaik antara kamu ialah mereka yang mempelajari al-Quran kemudian mereka mengajarkannya pula kepada orang lain.”

Sementara itu, ciri **keempat** orang yang bertaqwa ialah bersiap sedia menghadapi ajal untuk bertemu dengan Allah SWT. Siap sedia dalam erti kata menghiasi hidup di dunia ini dengan amal-amal soleh yang dapat mendekatkan lagi diri dengan Allah SWT di samping mengeratkan hubungan sesama manusia. Ia dapat diterjemahkan melalui pelaksanaan solat, zakat, puasa, haji, infaq dan lain-lain lagi.

SIDANG JEMAH YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Kesimpulannya, taqwa merupakan peningkatan kualiti iman. Tidak akan ada taqwa tanpa landasan iman yang benar, bersih dari kemusyrikan, khurafat dan tahayul. Dalam erti kata yang lain, membentuk sifat taqwa menuntut kita supaya meninggalkan segala perbuatan dosa dan maksiat serta sentiasa taat kepada semua perintah Allah SWT.

Dan ketahuilah bahawa sesungguhnya Allah SWT beserta orang yang bertaqwa, dan orang yang berusaha memperbaiki amalannya. Kerana itu, selagi hidup di dunia ini, kita hendaklah berusaha sedaya upaya meningkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah SWT di samping memperbanyakkan amal soleh. Ini penting kerana kebahagiaan dan kejayaan sebenar seseorang itu ialah apabila dia diputuskan di mahsyar nanti sebagai ahli syurga yang merupakan tempat hamba-hamba Allah yang bertaqwa dan beramal soleh.

Firman Allah SWT:

... وَمَنْ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَيَعْمَلْ صَالِحًا يُكَفِّرْ عَنْهُ سَيِّئَاتِهِ وَيُدْخِلْهُ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ
خَالِدِينَ فِيهَا أَبَدًا ذَلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ ﴿٩﴾

Maksudnya: "...Dan (ingatlah), sesiapa yang beriman kepada Allah serta mengerjakan amal soleh, nescaya Allah mengampunkan dosa-dosanya dan memasukkannya ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya; Yang demikian itulah kemenangan yang besar." (S. At-Thaghabun: 9).

Oleh hal yang demikian, bersama-samalah kita berdoa memohon kepada Allah SWT supaya diberikan kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat. Mudah-mudahan kita tergolong sebagai ahli syurga.

... يَقُولُ رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢٠١﴾

Maksudnya: "...Wahai Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat dan peliharalah kami dari azab neraka." (S. Al-Baqarah: 201).

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعْنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ وَاسْتَغْفِرُ اللَّهُ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ يَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ



Diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadith Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.